

Headline	Sarjit yakin Faizal bangkit		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	28 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	7
ArticleSize	162 cm <sup>2</sup>	Journalist	Naqib Nor Said
PR Value	RM 8,790		



# Sarjit yakin Faizal bangkit

● Pengendali THT ini yakin penyerangnya itu bakal akhiri kemarau gol

**Oleh Naqib Nor Said**

naqib@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Pengendali Pasukan Hoki Te-rengganu (THT), Sarjit Singh menegaskan tidak bimbang dengan ketumpulan Faizal Saari di depan gawang selepas dia sekali lagi kemarau gol ketika terikat 4-4 dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB), kelmarin.

Faizal, 25, setakat ini belum membuka akaun gol pada tiga aksi pertama Liga Perdana Hoki Malaysia (MHL) - TNB 2016 berbanding musim lalu dalam tempoh yang sama dia sudah memperoleh lima gol.

## Hanya satu mata

Tetapi Sarjit yang diselubungi kekecewaan kerana pasukannya ke-

tika ini hanya mengutip satu ke menangan daripada tiga aksi, yakin kemarau penyerang yang meledak 18 gol sepanjang musim lalu itu akan berakhir pada pertembungan menentang Sapura di Stadium Tun Razak, malam ini.

"Saya langsung tidak bimbang dengan kegalannya mencetak sebarang gol lagi pada musim ini kerana yakin bila saja dia mula mencetak gol, pasti dia akan sukar dihalang oleh mana-mana pasukan."

"Saya dapat lihat pada tiga per lawanan sebelum ini dia dikawal ketat oleh pertahanan lawan dan kami tidak tertekan kerana Tengku Ahmad Tajuddin berjaya mengambil tugas itu dengan baik," katanya di sini, semalam.

THT yang turun beraksi selepas pereraju KLHC diikat UniKL 1-1, kelmarin sepatutnya menyalahkan diri sendiri kerana melepaskan peluang terbaik merapatkan kedudukan semula dengan skuad bimbingan Muhammad Harun Al-Rashid yang menghuni tangga teratas dengan tujuh mata.

Pada pertemuan itu anak buah Sarjit melepaskan lebih sedozen peluang yang terhidang dengan keliat ayam tambatan Faizal sedikit teng gelam kerana dilihat banyak turun menerima bola di kawasan tengah.

Situasi itu nyata tidak meresahkan Sarjit kerana beban itu dipikul dengan baik oleh Tengku Ahmad Tajuddin yang sudah meledak tiga gol setakat ini manakala penyerang import dari Argentina, Nicolas Enrique (2).